

# 10 tahun sejuta rumah

BH - 18/2/2019 m/s: 2

➔ Kerajaan komited bantu rakyat kurang mampu dengan kerjasama swasta: PM

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

► Puchong

**K**erajaan Pakatan Harapan (PH) akan membina sejuta unit rumah mampu milik dan murah dalam masa 10 tahun walaupun menghadapi pelbagai keangan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, inisiatif itu akan dilaksanakan dengan kerjasama pihak swasta bagi membantu rakyat kurang berkemampuan, terutama golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

“Kerajaan (bersendirian) tak mampu dirikan sejuta rumah dalam masa 10 tahun, perlu kerjasama dengan swasta. Hari ini kita lihat banyak pihak swasta sambut baik rancangan kita ini. Ada tempat (lokasi) kerajaan bangukan rumah, ada tempat swasta akan bangukan.

“Saya yakin swasta prihatin akan keperluan ini dan sedia melabur bangukan rumah ini untuk rakyat. Ia juga beri peluang pengusaha melabur dalam teknologi pembangukan rumah. Sekarang sudah ada kilang keluarkan (bahan bina) rumah mampu milik dan dipasang (dibina) dengan cepat,” katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap melancarkan Dasar Komuniti Negara di sini, semalam yang turut dihadiri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo yang juga Ahli Parlimen Puchong.

## Mahu rakyat hidup selesa

Perdana Menteri yakin komitmen kerajaan untuk membina sejuta rumah mampu milik itu sedikit sebanyak akan membantu rakyat memiliki kediaman sendiri pada harga lebih murah, selesa diduduki dan dilengkapi kemudahan berkaitan.

“Inilah hasrat kita, kerajaan mahu rakyat tinggal di tempat lebih selesa. Tidak ada makna duduk negara maju, tapi rakyat hidup menderita, tidak hidup dalam keselesaan. Dapat lihat kemajuan negara, tetapi tidak nikmati kemajuan itu,” katanya.

Katanya, memiliki rumah mampu milik juga pelaburan baik dan amat bermanfaat untuk jangka panjang kerana ni-



Inilah hasrat kita, kerajaan mahu rakyat tinggal di tempat lebih selesa. Tidak ada makna duduk negara maju, tapi rakyat hidup menderita, tidak hidup dalam keselesaan. Dapat lihat kemajuan negara, tetapi tidak nikmati kemajuan itu”

Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri

lainya akan meningkat, namun pemilikan kediaman sahaja tidak memadai, sebaliknya rakyat mesti mengukuhkan hubungan dalam komuniti setempat.

## Penduduk jalin kerjasama

“Ini bermakna di kawasan kampung dan perumahan, perlu ada sistem dan cara hidup yang memberi kepentingan kepada semua penduduk di kawasan itu. Kita harap pemilik rumah di kampung atau kawasan perumahan jalin kerjasama seperti mengadakan satu kelab untuk satu kawasan atau kampung,” katanya.

Dr Mahathir juga yakin komuniti di kawasan berkenaan mempunyai banyak kemahiran dan cekap dalam bidang tertentu seperti golongan wanita boleh menghasilkan masakan untuk perkhidmatan sajian makanan bagi majlis kenduri atau program perjumpaan.

“Sekarang ini kita sudah masuk zaman perniagaan dalam talian. Mereka yang ada di kampung mungkin dapat keluarkan kuih-muih yang boleh dipasarkan bukan sahaja di kampung itu, tetapi seluruh negara,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, rakyat perlu menerima hakikat bahawa kos sara hidup akan terus meningkat, namun kerajaan sentiasa mengawal kenaikan itu bagi memastikan ia tidak terlalu tinggi sehingga membebankan mereka.